

Perbandingan Perkembangan Industri di Malaysia dan Singapura Menggunakan Analisis Input-Output

Ahmad Adil Asyraf Bin Musa
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: ahmadadilasyraf@gmail.com

ABSTRAK

Tujuan- Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis dan membandingkan perkembangan industri ekonomi di Malaysia dan Singapura menggunakan jadual input output bagi tahun 2000 dan 2005.

Metodologi - Jadual IO digunakan untuk menganalisis dan membandingkan industri utama bagi kedua-dua negara. Kaedah analisis Input-output terhadap industri utama ini akan diperkenalkan pada awalnya. Data dan metodologi akan dijelaskan.

Dapatan – Kajian ini mendapati Singapura mempunyai kebergantungan sektor yang tinggi terhadap sektor kemudahan sehingga IKH mencapai 1.911. Malaysia pula menunjukkan kebergantungan yang tidak terlalu tinggi hanya di bawah 1.5. Membandingkan kedua-dua negara dapat menunjukkan sektor yang stabil berperanan sebagai IKB dan IKH.

Limitasi kajian – Perbezaan kaedah pengumpulan data menyukarkan proses pengumpulan data daripada data lama. Oleh itu, kajian hanya mengfokuskan kepada tahun 2000 dan 2005.

Kajian ini melakukan perbandingan di antara Malaysia dan Singapura bagi tahun 2000 dan 2005. Kajian ini penting bagi membandingkan kerangka ekonomi Singapura dan Malaysia yang merupakan dua negara ASEAN yang mempunyai pertumbuhan KDNK yang tinggi. Kajian ini boleh digunakan oleh kerajaan untuk melihat perbandingan struktur ekonomi di antara kedua-dua negara.

KataKunci : Analisis input/output, Malaysia, Singapura, pembangunan ekonomi, sektor ekonomi

ABSTRACT

Purpose – The aim of this paper is to analyze and compare the development of industries in Malaysia and Singapore using input-output (IO) table for the year 2000 and 2005

Methodology – IO tables are used to analyze and compare the main industries for both countries. First, the input-output analysis are briefly introduced. Then, data and methodology will be specified.

Findings- Singapore industries shows a high dependency towards utility sector which been conveyed through a high level of Forward Linkage Index (FLI) which is 1.911. Apart from that, Malaysia shows a dependency on transportation and communication sector which has a stable place in Backward Linkage Index (BLI). Comparing both countries according to specialization explain the behaviour of FLI and BLI in both countries.

Limitation – Incompatibility of both new and old data prevents to make comparison for longer time frame. Due to that this research is focussing on 2000 and 2005 data.

This research can be used as a comparison between both countries industries that reflect economy structure of both countries.

Keywords : Input/output analysis, Malaysia, Singapore, economic development, economic sector

PENGENALAN

Kajian ini mengkaji perbandingan perkembangan industri di Singapura dan Malaysia. Ianya mengkaji hubungan industri dan sejauhmana ianya menyokong pertumbuhan industri lain. Singapura dan Malaysia dipilih untuk dibandingkan kerana kedua-dua negara pada awalnya merupakan sebuah negara yang berpecah kepada dua negara pada tahun 1963. Setelah berlakunya perpecahan, pertumbuhan ekonomi yang dialami oleh kedua negara adalah berbeza berikutan perbezaan sumber alam dan kedudukan strategik menyebabkan kedua-dua negara mengkhususkan kepada industri yang berbeza.

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)

“Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju”

Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

Namun menurut Bon dan Pietroforte (1990), teori ekonomi pembangunan, negara akan melalui proses perindustrian dan proses pembinaan akan mula berkurangan apabila ekonomi negara mula memasuki proses kematangan.

Walaupun Malaysia sebuah negara yang besar dan mempunyai tenaga buruh yang lebih tinggi, pertumbuhan KDNK per kapita negara adalah rendah berbanding negara Singapura. Bagi tahun 2000, Malaysia hanya mempunyai KDNK per kapita sebanyak 3,420 dolar dan Singapura sebanyak 24,500 dolar. Pada tahun 2005, nilai KDNK per kapita masih lagi berbeza iaitu sebanyak 5,190 dolar bagi Malaysia dan 27,240 dolar bagi Singapura. Jurang yang besar ini menyebabkan perbandingan dibuat di antara kedua negara dengan Singapura sebagai negara perbandingan di ASEAN. Skala perbandingan jurang ini boleh dilihat di dalam Rajah 1.

Kedua-dua negara melakukan pengkhususan di dalam sektor perkilangan. Ini merupakan langkah yang mesti dilalui oleh negara untuk mencapai status negara maju. Namun jika dikeluarkan sektor perkilangan daripada penilaian, kita akan dapat melihat peratusan sektor lain kepada ekonomi negara. Bagi negara Malaysia, peratusan sumbangan kepada output negara adalah sektor pengangkutan & komunikasi dan pemborongan & peruncitan. Malaysia yang mempunyai keluasan tanah yang lebih besar menyebabkan sektor pengangkutan dan telekomunikasi menjadi sektor yang mempunyai peratusan output yang besar. Bagi negara Singapura pula lebih mengfokuskan kepada sektor pemborongan, simpanan dan perkhidmatan perniagaan. Keadaan ini boleh menyokong sumber ekonomi negara Singapura yang lebih kepada import dan pengeksportan semula.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Analisis input-output banyak dilakukan oleh negara luar untuk melihat hubungan satu sektor kepada sektor lain. Perbandingan bagaimana input atau output suatu sektor mampu mempengaruhi sektor lain. Ianya dilihat seperti suatu proses untuk memproses suatu output, sesuatu sektor memerlukan input daripada sektor lain. Analisis ini lebih bersifat penganggaran dan tidak boleh digunakan bagi melakukan pengiraan tepat. Namun ianya suatu analisis yang menarik untuk memahami struktur industri di sesebuah negara.

Kajian yang dilakukan oleh Ilhan dan Yaman (2009) menggunakan analisis input-output untuk mengkaji tahap pertumbuhan sektor pembinaan di Turki berbanding negara EU lain. Menggunakan Indeks Keberkaitan Hadapan (IKH) dan Indeks Keberkaitan Belakang (IKB) daripada jadual Input-Output 1998 dan 2002, kajian yang dilakukan cuba melihat adakah hubungan pengurangan pertumbuhan sektor pembinaan menunjukkan proses kematangan ekonomi. Oleh itu, kajian yang dilakukan membandingkan peratusan sumbangan setiap sektor dalam ekonomi bagi melihat pertumbuhan atau pengurangan sumbangan sesuatu sektor. Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati kuasa IKH sektor pembinaan di negara Turki adalah rendah dan namun kuasa IKB adalah tinggi. Oleh itu, sektor ini untuk menarik pertumbuhan sektor lain adalah tinggi, namun kuasa untuk menolak pertumbuhan sektor lain masih lagi rendah. Dapatan kajian ini mendapati bahawa sektor pembinaan masih lagi penting di dalam ekonomi Turki.

Kajian oleh Ramos et. Al (2011) pula mengkaji hubungan perubahan struktur ekonomi di Filipina menggunakan data daripada 1979 hingga 2000. Kajian ini mengkaji 11 sektor ekonomi analisis IKB dan IKH dilakukan bagi melihat sektor yang mempunyai keberkaitan yang tinggi di antara negara-negara. Kajian yang dilakukan mendapati sektor perkhidmatan swasta, pengangkutan, komunikasi dan penyimpanan mempunyai potensi pertumbuhan keberkaitan yang tinggi. Ianya dikatakan berikutan aktiviti globalisasi. Bagi sektor perkilangan pula melihatkan keberkaitan sektor yang rendah. Oleh itu, di dalam kajian ini, pengkaji cuba mengkaji keberkaitan sektor diantara kedua negara. Sektor yang mempunyai keberkaitan paling tinggi akan dikaji bagi melihat sektor yang paling banyak menyokong sektor yang lain.

Kajian Mohd Sahar Sauian et. Al pula mengkaji sektor pengangkutan dan kewangan di dalam industri perkhidmatan Malaysia. Menggunakan Jadual Input-Output 2000 dan 2005, mereka menggunakan pekali pengeluaran dan pekali nilai tambahan. Nilai pekali ini diperolehi daripada Jabatan Statistik Malaysia. Hasil daripada kajian mereka mendapati kedua-dua sektor menunjukkan peningkatan kedudukan pekali pengeluaran berbanding sektor lain daripada tahun 2000 kepada tahun 2005. Ini menunjukkan peranan sektor ini sebagai pekali di dalam output negara berbanding sektor lain semakin baik. Kajian ini dilakukan semata-mata untuk melihat kedudukan diantara satu sektor dengan sektor lain.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, pengkaji melihat kajian yang dibuat terlalu melihat perkembangan sesetengah sektor sahaja. Oleh itu, bagi kajian ini, pengkaji ingin melihat keseluruhan sektor di Malaysia. Kajian lepas biasa menggunakan IKB dan IKH bagi melihat impak pergantungan

antara sektor seperti kajian daripada Sahar. Namun, kajian ini cuba melihat sektor yang dominan atau stabil sebagai pengguna atau sebagai pengeluar barangan pertengahan. Ini kerana diantara setiap sektor itu memerlukan input daripada sektor lain. Hubungan ini boleh dilihat menerusi IKB dan IKH.

DATA DAN METODOLOGI

Kajian ini mengfokuskan kepada kajian bagi melihat pertumbuhan industri di dalam keseluruhan ekonomi negara berdasarkan kajian lepas. Perbandingan ini dibuat dengan membandingkan dua negara iaitu Malaysia dan Singapura menggunakan jadual IO yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia dan Jabatan Statistik Singapura bagi negara 2000 dan 2005. Perbandingan boleh dibuat menggunakan data yang lebih lama namun bagi melihat perubahan struktur yang terbaru, kajian difokuskan kepada tahun 2000 dan 2005. Jadual IO bagi kedua negara memecahkan industri ekonomi kepada pecahan yang berlainan. Agregasi ini akan melihat kepada Indeks Keberkaitan Hadapan (IKH) dan Indeks Keberkaitan Belakang (IKB) bagi melihat kebergantungan sektor. IKH dan IKB yang diperolehi adalah maklumat yang telah diberikan di dalam laporan statistik negara masing-masing. Kaedah memperoleh indeks ini adalah menerusi kaedah Matriks Koefisien Leontief (A) dan Matriks Leontif (I-A).

Asas persamaan IO adalah seperti berikut

$$X = AX + Y \quad (1)$$

Dimana;

$X = (x_1, \dots, x_n)$ adalah vektor bagi output kasar

$A = (a_{ij})$ adalah matriks bagi koefisien teknikal

$Y = (y_1, \dots, y_n)$ adalah vektor bagi permintaan akhir

Berdasarkan persamaan di atas, output kasar boleh ditulis sebagai :

$$X = (I - A)^{-1}Y \quad (2)$$

$(I-A)^{-1}$ dikenali sebagai Leontief Matrix songsang yang diwakili oleh $B_i = (I-A)^{-1}Y$. Nilai ini adalah asas bagi mengukur kebanyakan indeks bagi menganalisis jadual input-output. Bagi penerangan yang lebih jelas, sila rujuk Connor & Henry, 20-27

IKB ditakrifkan sebagai $B_j = \sum_{i=1}^n b_{ij}$ manakala IKH pula dilihat daripada $B_i = \sum_{j=1}^n b_{ij}$

Bagi indeks keberkaitan hadapan, matriks Leontief songsang akan digunakan akan digunakan bagi mendapat kepekatan keseluruhan keberkaitan

$$V = \sum_{i=1}^n \sum_{j=1}^n b_{ij} \quad (3)$$

IKH menunjukkan darjah perubahan permintaan di dalam sektor lain yang akan memberi kesan kepada output sektor yang dikaji. Manakala IKB melihat kesan permintaan di dalam sektor ini yang mempengaruhi output sektor lain. Nilai IKH lebih daripada satu menunjukkan kebergantungan input sektor lain terhadap output sektor ini melebihi paras normal. Manakala nilai IKB lebih daripada satu menunjukkan kebergantungan input sektor ini terhadap output sektor lain melebihi paras normal. Ianya boleh diwakili oleh persamaan berikut:

$$IKH_i = \frac{B_i}{V/n} \quad (4)$$

$$IKB_j = \frac{B_j}{V/n} \quad (5)$$

Ini adalah kaedah untuk mengukur nilai IKH dan IKB. Namun bagi kajian ini, untuk mengurangkan kadar kesilapan pengiraan dan menjimatkan masa, nilai indeks yang digunakan adalah daripada jabatan perangkaan negara masing-masing. Oleh itu, kajian diteruskan dengan indeks yang diberikan.

ANALISIS DATA

Singapura

Menerusi Rajah 2, pada tahun 2000 IKH sektor kemudahan di Singapura menunjukkan keberkaitan yang tinggi. IKH yang tinggi menunjukkan sokongan sektor ini kepada sektor lain iaitu sektor

kemudahan sebanyak 1.911 . Menerusi Matriks Input-Output , sokongan sektor kemudahan banyak mempengaruhi sektor perkilangan sebanyak 4,634.6 juta dolar , dan kemudahan itu sendiri. Ini semenangnya benar jika dilihat dimana sektor perkilangan banyak menggunakan kemudahan air, elektrik dan sebagainya. Oleh itu ianya mempunyai kesan tolakan kepada sektor perkilangan. Selain sektor kemudahan, dua sektor lain yang mempunyai nilai IKH lebih daripada satu ialah perkhidmatan perniagaan dan pengangkutan dan telekomunikasi. Ketiga-tiga sektor ini dilihat mempunyai kesan penolakan kepada sektor lain.

Namun nilai IKB pada tahun 2000 iaitu sektor kemudahan juga adalah 1.426 yang menunjukkan keberkaitan kepada sektor lain daripada aspek input adalah tertinggi di dalam ekonomi. Oleh itu, ianya boleh dikatakan mempunyai kesan menarik yang tinggi. Dua sektor yang paling terkesan dengan kesan penarikan ini adalah sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan lain. Tiga sektor lain yang mempunyai nilai IKB lebih daripada satu ialah pertanian, pemborongan dan peruncitan dan perkhidmatan lain.

Pada tahun 2005 pula, sektor kemudahan melihatkan penurunan nilai IKH kepada 1.387 dimana keberkaitan sokongan output ini kepada sektor lain adalah tinggi namun semakin menurun. Seperti tahun 2000, sektor yang paling banyak dipengaruhi adalah sektor perkilangan. Namun selain sektor perkilangan , sektor perdagangan dan perkhidmatan banyak menggunakan input daripada sektor kemudahan. Oleh itu,sektor kemudahan disini banyak membantu pertumbuhan ekonomi sektor lain. Walaupun nilai IKH sektor ini dilihat turun, pertambahan kepada lima sektor yang mempunyai nilai IKH lebih daripada satu. Dua sektor baru yang mempunyai keberkaitan hadapan adalah perkhidmatan kewangan dan pembinaan.

Bagi tahun 2005 ini, IKB yang paling tinggi sudah berubah kepada sektor pembinaan sebanyak 1.452. Sektor kemudahan telah hilang nilai di dalam IKB dimana nilainya jatuh kepada kurang daripada satu. Ini menunjukkan keberkesanan sektor pembinaan memiliki kesan penarikan bagi menarik input daripada sektor lain. Sektor pertanian juga menunjukkan penurunan impak IKB kepada 0.945. Tiga sektor yang dipengaruhi melalui penarikan sektor pembinaan adalah perkilangan, perdagangan dan perkhidmatan perniagaan. Selain sektor ini, sektor perkhidmatan kewangan dan hotel dan restoran juga turut menunjukkan peningkatan daripada nilai IKB. Ini menunjukkan permintaan akhir daripada ketiga-tiga sektor ini mampu mempengaruhi input yang digunakan daripada sektor lain.

Menerusi jadual 1 ini, kita boleh membuat perbandingan bagaimana sektor kemudahan kehilangan nilai di dalam IKB pada tahun 2005 berbanding kedudukan pertama pada tahun 2000. Walaupun peranan output sektor kemudahan masih lagi berperanan penting kepada sektor lain dimana menduduki kedudukan pertama bagi kedua-dua tahun. Peningkatan output keseluruhan sektor pembinaan secara mendadak iaitu sebanyak 51.5% bagi tempoh lima tahun. Pertumbuhan output sektor ini dilihat menjadi faktor ianya mengungguli di dalam IKB pada tahun 2005. Kedudukan kedua iaitu perkhidmatan kewangan menunjukkan peranan yang dominan bagi IKH dan IKB 2005. Jika dibandingkan dengan IKH 2000, sektor kewangan telah mengatasi kedudukan sektor perkhidmatan perniagaan. Faktor ini juga dilihat disebabkan pertumbuhan output perkhidmatan kewangan iaitu sebanyak 70% bagi tempoh lima tahun. Jika dibandingkan dengan pertumbuhan output sektor perniagaan hanyalah 1.44% sahaja. Ini berlaku kerana kekurangan permintaan input daripada sektor perkhidmatan kewangan menyebabkan pertumbuhan output keseluruhan ekonomi tidak sekata dengan pertumbuhan sektor perniagaan. Bagi input dan output sektor kewangan bukanlah bersifat spesifik seperti barangan dan produk. Komoditi asas sektor ini adalah wang dan ianya fleksibel dan ianya mampu menjadi input mahupun output. Oleh itu, sektor kewangan disokong dan menyokong sektor lain.

Malaysia

Rajah 4 dan 5 menunjukkan carta perubahan IKB dan IKH bagi sektor berdasarkan tahun. Berdasarkan rajah di atas menunjukkan pada tahun 2000, IKH sektor kemudahan di Malaysia adalah antara yang tertinggi iaitu pada 1.41. Ini menunjukkan keberkaitan sokongan output sektor ini kepada input sektor lain adalah tinggi. Kemudahan seperti elektrik, air dan gas adalah penting bagi input penting bagi semua sektor. Oleh itu peningkatan permintaan akhir bagi sektor lain akan menyebabkan peningkatan nilai IKH bagi sektor kemudahan, Selain itu, sektor pemborongan dan peruncitan juga turut mempunyai IKH yang tinggi. Sektor ini merupakan sektor yang menggambarkan perdagangan di Malaysia. Malaysia yang terkenal dengan Industri Kecil dan Sederhana merupakan sebahagian daripada sektor ini terutamanya daripada aspek peruncitan.

Namun keberkaitan ekonomi daripada aspek penarikan input iaitu IKB pula diterajui oleh sektor perhotelan dan restoran. Sektor perlancongan dan makanan merupakan daya tarikan Malaysia di dalam menarik pelancong asing mahupun domestik. Ianya menyokong pertumbuhan sektor lain melalui input

yang diperolehi daripada sektor lain. Sektor ini memerlukan input daripada pelbagai sektor. Selain itu, sektor pembinaan juga turut memerlukan input daripada pelbagai sektor untuk menyokong pembangunan sektor ini. Sektor pertanian juga memiliki nilai IKH melebihi satu yang menunjukkan pergantungan sektor lain terhadap output sektor pertanian.

Pada tahun 2005, IKH tertinggi berpindah kepada sektor perkhidmatan kewangan. Ini berikutan ketidakstabilan ekonomi menyebabkan sektor ini menawarkan pelbagai modul simpanan kewangan dan pinjaman bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ianya dilihat menyokong sektor lain bagi mengukuhkan ekonomi Malaysia setelah kejatuhan kadar pertumbuhan KDNK pada tahun 2001 pada 0.5% sahaja. Pada tahun ini, pelancaran perancangan bank pusat menerusi Perbankan Islam berikutan Krisis Asia 1998 telah menyebabkan pertumbuhan sektor perkhidmatan kewangan. Oleh itu, sektor ini telah mencapai IKH yang lebih tinggi pada tahun 2005. Ini menunjukkan galakan output kepada sektor lain.

Sektor pengangkutan dan telekomunikasi telah meningkat sebagai IKB yang tertinggi pada tahun 2005. Peningkatan ini telah menyebabkan sektor ini menjadi penarik input yang tinggi daripada sektor lain. Peningkatan komunikasi dan mobiliti di kalangan masyarakat Malaysia dengan jumlah penduduk yang tinggi telah menyebabkan sektor pengangkutan dan komunikasi. Selain itu, ini menunjukkan pertumbuhan sektor ini telah meningkatkan kuasa beli barangan input daripada sektor lain.

Berbanding indeks IKH dan IKB Singapura, Malaysia menunjukkan perubahan kedudukan yang mendadak bagi setiap sektor. Sektor kemudahan yang menduduki tempat pertama IKH 2000 dengan indeks 1.41 jatuh kepada 1.14. Nilai 1.14 masih lagi menunjukkan keberkaitan kehadapan mengatasi paras normal. Keadaan ini berikutan keperluan bagi sektor kemudahan seperti elektrik, air dan gas tidak mungkin akan terhapus kerana ianya adalah industri yang paling stabil di dalam sesebuah negara. Namun di dalam kes Malaysia sektor pertanian dan perkhidmatan kewangan mula menunjukkan kuasa tolakan apabila peningkatan permintaan akhir sektor lain telah meningkatkan output pertengahan sektor ini. Bagi IKB 2000 dan 2005, sektor hotel dan restoran dan pengangkutan dan telekomunikasi masih berada di dalam kedudukan teratas. Namun sektor pembinaan telah jatuh daripada kedudukan tiga teratas. Walaupun begitu IKB sektor pembinaan masih tinggi di atas normal iaitu 1.07.

Perbandingan boleh dilihat menerusi Jadual 3. Bagi negara Malaysia, dapat dikenalpasti disini dua industri yang menyokong industri lain melalui IKH yang tinggi iaitu pemborongan dan peruncitan dan pertanian. Output daripada dua sektor ini menjadi input sektor lain dan indeks sektor ini dilihat stabil bagi kedua-dua tahun menunjukkan kesan tolakan sektor ini terhadap sektor lain adalah bersifat berterusan. Bagi nilai IKB yang tinggi kedua-dua tahun iaitu pada kedudukan tiga teratas. Dua sektor itu ialah hotel & restoran dan pengangkutan & telekomunikasi dilihat mempunyai struktur yang stabil.

Bagi indeks IKB Singapura pula, tiada sektor yang stabil berperanan sebagai pengguna output pertengahan sektor lain. Namun bagi indeks IKH, sektor kemudahan (elektrik, air dan gas) dan perkhidmatan kewangan menunjukkan posisi yang dominan sebagai pengeluar output pertengahan bagi sektor lain.

KESIMPULAN

Kajian ini membandingkan IKB dan IKH bagi kedua-dua negara. Kajian ini mendapati kebergantungan sektor kepada input daripada sektor lain boleh mempengaruhi perkembangan sesuatu sektor. Bagi negara Malaysia, sokongan output daripada sektor pemborongan & peruncitan dan pertanian menggalakkan output sektor lain. Ianya boleh dilihat di Singapura, sektor kemudahan yang meliputi elektrik, air dan gas dan sektor perkhidmatan kewangan mempengaruhi output sektor lain. Kuasa penarikan dan penolakan sektor kemudahan sangat kuat bagi tahun 2000. Namun kuasa ini mula berkurang dan IKB mula diganti dengan sektor pembinaan. Ini menunjukkan peningkatan kuasa beli input daripada sektor pembinaan. Namun begitu, jurang indeks IKH dan IKB bagi negara Singapura adalah sangat tinggi sehingga mencapai 1.99 bagi IKH kemudahan. Ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi daripada sektor lain kepada sektor ini. Namun pada tahun 2005, sektor kemudahan hanya kekal sebagai IKH tertinggi manakala IKB tertinggi diganti dengan sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan kewangan dilihat berpotensi mendominasi IKH dan IKB berikutan peningkatan nilai mendadak.

Bagi Malaysia pula, nilai indeks hanya di bawah 1.5. Selain itu, IKB dan IKH terbesar sering bertukar di mana pada tahun 2000, IKH terbesar dipegang oleh sektor kemudahan dan IKB terbesar oleh sektor perhotelan dan restoran. Keadaan berubah pada tahun 2005, apabila sektor perkhidmatan kewangan menjadi IKH terbesar dan sektor pengangkutan dan telekomunikasi menjadi IKB terbesar.

Ini menunjukkan keberkaitan IKB dan IKH berubah mengikut corak pasaran. Pada asasnya, pembangunan negara akan mengfokuskan kepada sektor kemudahan yang menyumbang kepada sektor lain. Setelah negara mempunyai sektor kemudahan yang stabil. Sektor ekonomi akan mula mengfokuskan kepada pertumbuhan sektor lain yang dilihat berpotensi. Bagi negara Malaysia, corak pasaran pada tahun 2001 cuba memperkenalkan sistem perbankan Islam. Ini adalah salah satu faktor yang menyebabkan sektor perkhidmatan kewangan melonjak meningkat menduduki kedudukan pertama.

Walaupun begitu, Malaysia dilihat mempunyai sektor IKH dan IKB yang stabil seperti di dalam Jadual 3. Ini menunjukkan, Malaysia mempunyai sektor yang mempunyai pergantungan yang kuat. Sektor-sektor ini menunjukkan pengaruh kuat daripada 4 sektor ini kepada pertumbuhan ekonomi. Bagi negara Singapura pula, IKH adalah stabil dipegang oleh dua sektor, namun tiada sektor yang stabil di dalam IKB. Oleh itu, tidak wujud pengguna yang kuat bagi perdagangan di antara industri jika dibandingkan data 2000 dan 2005 Singapura.

RUJUKAN

- Christ, F. C. 1955. Input-Output Analysis: An Appraisal. <http://www.nber.org/chapters/c2866> [2 Mei 2013]
- Department of Statistic Singapore. 2012. Singapore Input-Output Table 2005. <http://www.singstat.gov.sg/publications/economy.html> [2 Mei 2013]
- Department of Statistic Singapore. 2012. Singapore Input-Output Table 2000. <http://www.singstat.gov.sg/publications/economy.html> [2 Mei 2013]
- Ilhan, B. & Yaman, H. 2011. A comparative input-output analysis of the construction sector in Turkey and EU countries. *Engineering, Construction and Architectural Management* 18(3): 248-265.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2012. Input-Output Tables Malaysia 2005. http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=348:input-output-tables-malaysia-2005-update-1062010&catid=100:input-output-tables-malaysia&lang=en [2 Mei 2013]
- Mohd Sahar Sauian, Norbaizura Kamaruddin & Ruzanita Mat Rani. 2012. The Importance of Transportation and Financial Sectors in the Malaysian Service Industries: An Input-Output Analysis. *International Proceedings of Economic Development and Research*, hlm. 135-140.
- O'Connor, R. & Henry, E. W. 1975. Input-Output Analysis and its application. New York: Hafner Press
- Ramos, N.M., Estrada, G.E. & Felipe, J. 2011. Exploring the Philippine economic landscape and structural change using the input-output framework. *International Journal of Development* 10(1): 34-59.

LAMPIRAN

Singapura


Industri	2000		2005	
	IKH	IKB	IKH	IKB
Pertanian	0.959	1.066	0.82	0.945
Perkilangan (Bukan Minyak)	0.789	0.861	0.753	0.853
Perkilangan (Minyak)	0.702	0.759	0.666	0.706
Kemudahan	1.911	1.406	1.387	0.929
Pembinaan	0.738	0.984	1.155	1.452
Pemborongan dan peruncitan	0.881	1.078	0.85	1.027
Hotel dan Restoran			0.873	1.077
Pengangkutan dan Telekomunikasi	1.08	0.927	1.1435	0.9115
Perkhidmatan Kewangan	0.91	0.935	1.226	1.152
Perkhidmatan Perniagaan	1.177	0.948	1.207	1.026
Perkhidmatan Lain	0.854	1.036	0.774	1.01

Sumber : Department of Statistic Singapore


Malaysia

Industri	2000		2005	
	IKH	IKB	IKH	IKB
Pertanian	1.21	1	1.21	0.87
Perlombongan dan Kuari	0.98	0.81	0.91	0.75
Perkilangan	0.91	1.08	0.89	1.07
Kemudahan	1.41	1.02	1.14	1.12
Pembinaan	0.75	1.18	0.87	1.07
Pemborongan dan peruncitan	1.34	0.89	1.16	0.84
Hotel dan Restoran	1.01	1.19	0.83	1.18
Pengangkutan dan Telekomunikasi	1.01	1.08	1.15	1.22
Perkhidmatan Kewangan	0.77	0.91	1.31	1.08
Hartanah	0.95	0.87	0.89	0.91
Perkhidmatan Perniagaan	0.98	1.01	1.02	0.89
Perkhidmatan Kerajaan	0.69	0.96	0.62	1.02


Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia




RAJAH 1: Pendapatan Negara Kasar Per Kapita Bagi Kedua-Dua Negara




RAJAH 2: IKH Singapura Bagi Tahun 2000 Dan 2005



RAJAH 3: IKH Singapura Bagi Tahun 2000 Dan 2005



RAJAH 4: IKH Malaysia Bagi Tahun 2000 Dan 2005



RAJAH 5: IKB Malaysia Bagi Tahun 2000 Dan 2005

JADUAL 1: Kedudukan 3 Teratas IKB Dan IKH Di Singapura

Kedudukan	IKH 2000	IKB 2000	IKH 2005	IKB 2005
Pertama	Kemudahan	Kemudahan	Kemudahan	Pembinaan
Kedua	Perkhidmatan Perniagaan	Pemborongan dan Peruncitan	Perkhidmatan Kewangan	Perkhidmatan Kewangan
Ketiga	Pengangkutan dan Telekomunikasi	Pertanian	Perkhidmatan Perniagaan	Hotel dan Restoran

JADUAL 2: Kedudukan 3 Teratas Ikb Dan Ikh Di Malaysia

Kedudukan	IKH 2000	IKB 2000	IKH 2005	IKB 2005
Pertama	Kemudahan	Hotel dan Restoran	Perkhidmatan Kewangan	Pengangkutan dan Telekomunikasi
Kedua	Pemborongan dan Peruncitan	Pembinaan	Pertanian	Hotel dan Restoran
Ketiga	Pertanian	Pengangkutan dan Telekomunikasi	Pemborongan dan Peruncitan	Kemudahan

JADUAL 3: Perbandingan Sektor Yang Stabil Menjadi IKH Dan IKB

	IKH	IKB
Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Pemborongan dan Peruncitan (2000&2005) • Pertanian (2000 &2005) 	<ul style="list-style-type: none"> • Hotel dan Restoran (2000&2005) • Pengangkutan dan Telekomunikasi (2000&2005)
Singapura	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan (2000&2005) • Perkhidmatan Kewangan (2000&2005) 	